



PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

LIBRARIANS ASSOCIATION OF MALAYSIA

PETI SURAT 12545, 50782 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

Emel: pustakawan55@gmail.com

Laman web: <http://www.ppm55.org.my>

PERMINTAAN KERTAS CADANGAN (REQUEST FOR PROPOSAL) MENAIKTARAF, MEMASANG DAN MENGUJITULIAH LAMAN WEB PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

Tarikh: 02/02/2020

Diuruskan oleh: Jawatankuasa Teknologi Maklumat PPM

Tarikh Tutup Maklumbalas: 29/02/2020

Maklumbalas kepada: jkictppm@gmail.com

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) kini membuka tawaran kepada mana-mana pihak (*syarikat/freelance/individu*) yang berminat untuk melaksanakan projek menaiktaraf, memasang dan mengujitauliah laman web Persatuan Pustakawan Malaysia.

2. Meskipun PPM adalah Badan Bukan Kerajaan (NGO), penilaian terhadap ciri-ciri pembangunan laman web adalah berdasarkan spesifikasi, justifikasi dan kreativiti tuan/puan selagi mana memenuhi piawaian-piawaian keselamatan antarabangsa atau garis panduan kerajaan Malaysia seperti berikut:-
 - i. *Garis Panduan Malaysian Civil Service Link (MCSL) dan Laman Web Agensi Kerajaan.*
 - ii. *Garis Panduan Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam*
3. Selain itu, PPM juga akan membuat penilaian terhadap laman web baharu atas perkara-perkara berikut:-
 - i. Mampu menampung lebih 5 juta hits setiap tahun.
 - ii. Mampu menampung lebih 500 GB *bandwidth* setiap tahun.
 - iii. Mampu menampung lebih 100 ribu jumlah pelayar unik setiap tahun.
 - iv. Mampu menampung operasi lebih 5 subdomain.
 - v. Mampu menampung storan emel melebihi 20GB.
 - vi. Mampu menampung storan laman web melebihi 20 GB.
4. Hanya *syarikat/freelance/individu* yang mempunyai kelayakan profesional dan berpengalaman layak untuk memohon.
5. Cadangan yang diterima akan dinilai dan diberi maklum balas melalui emel.

Sekian, terima kasih.